



RESOLUSI

MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026



HUBUNGI KAMI:

Admin Sistem

Info@multaqaalmaarif.com

RESOLUSI

MAWQIF

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

4 APRIL 2026

BARISAN FELO SISTEM

MULTAQA AL-MA'ARIF POINT

BUTIRAN

MESYUARAT MAWQIF BIL. 01

Hari : Sabtu

Tarikh : 4 April 2026

Waktu : 21:30 – 23:02

Platform : Dalam talian, Streamyard

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan	3
Kata Alu-Aluan Ketua Eksekutif Felo	5
Petunjuk Mawqif:	7
Agenda 1:	
ISU MEMIJAK MUSHAF AL-QURAN AL-KARIM	8
Agenda 2:	
PENDIRIAN UMAT ISLAM: IRAN VS ISRAEL/AMERIKA SYARIKAT	10
Agenda 3:	
KENYATAAN MEMASTIKAN (JAZM) SESEORANG MATI SYAHID	14
Agenda 4:	
HUKUM PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT PADA HARI RAYA	17
Agenda 5:	
KAEDAH PENETAPAN BULAN HIJRI BAHARU	19
Agenda 6:	
MENGGABUNGKAN PUASA 6 SYAWAL DENGAN PUASA QADA'	20
Agenda 7:	
HUKUM BERMAIN MERCUN (KONTEKS: UMUM/HARI RAYA)	22
Agenda 8:	
SOALAN: ZAKAT FITRAH TAK SAH JIKA MAKAN BASMATHI	26
Agenda 9:	
HUKUM BAYAR ZAKAT BUAT PIHAK BUKAN TANGGUNGAN	27
Agenda 10:	
DERMA DARAH KETIKA BERPUASA, BATAL ATAU TIDAK	28
Agenda 11:	
STATUS HADITH TANDA-TANDA LAYLATUL QADAR	30
Agenda 12:	
ALTERNATIF HADITH DA'IF FADILAT BERSEDEKAH	31

Agenda 13:

DALIL SUAMI WAJIB MEMBERI PAKAIAN BAHARU SETIAP 6 BULAN 32

Agenda 14:

MUSAFIR NIAT JAMA' TA'KHIR & TIBA DI LOKASI LEBIH AWAL 34

Rujukan 35

KATA ALU-ALUAN KETUA EKSEKUTIF FELO SISTEM

Ketua Eksekutif Felo

BARISAN FELO SISTEM MULTAQQA AL-MA'ARIF



**AL-USTAZ ABU MUSLIM
SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM**
FELO UTAMA
FELO KANAN (HADITH/AKIDAH)
CALON PHD HADITH, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Segala puji bagi Allah 'azza wa Jalla, Pencipta sekalian Alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ, para Sahabat dan orang yang mengikuti jejak langkah mereka dengan baik.

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Ilahi, saya merakamkan penghargaan atas penerbitan Resolusi Mawqif Mesyuarat Mawqif Bil. 01, yang menjadi manifestasi kesungguhan dalam meneliti, membahaskan dan merumuskan pendirian terhadap isu-isu semasa berteraskan disiplin ilmu yang sahih dan pendekatan yang berautoriti.

Resolusi ini bukan sekadar catatan perbincangan, bahkan merupakan natijah daripada proses ijtihad jama'i yang mempertimbangkan dalil-dalil syarak, realiti semasa serta maqasid yang seimbang. Ia diharapkan dapat menjadi panduan yang jelas kepada masyarakat serta rujukan yang diyakini dalam menghadapi pelbagai persoalan yang timbul.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa, para penyelidik, serta semua pihak yang telah menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan mesyuarat ini. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan mencerminkan amanah besar dalam memelihara ketepatan ilmu dan kejelasan pendirian.

Akhir kata, semoga resolusi yang dihasilkan ini diberkati oleh Allah ‘azza wa Jalla, diterima sebagai amal soleh, serta memberi manfaat yang luas kepada umat. Mudah-mudahan segala usaha ini menjadi sebahagian daripada sumbangan kecil dalam memperkukuhkan kefahaman agama dan membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Sekian, Jazākumullāh Khayrā.


SYIMIR ASYRAAF BIN EDDIE HALIM

PETUNJUK MAWQIF

MM : Mesyuarat Mawqif

01 : Bil. 01

01 : Mawqif ke-01

04 : Tarikh MM

04 : Bulan MM

26 : Tahun MM

KEPUTUSAN:

Barisan Felo memutuskan bahawa tidak wujud sokongan mutlak kepada mana-mana pihak dalam konflik geopolitik ini. Sebaliknya, sokongan diberikan terhadap setiap tindakan yang membawa masalah atau menolak mafsadat terhadap umat Islam.

Nombor Siri Mawqif:

MM/01/02 (04/04/26)

Penjelasan:Utama

Barisan Felo memaklumkan bahawa Mesyuarat Mawqif Bil. 01 yang bersidang pada 4 April 2026 telah meneliti isu ini secara menyeluruh. Barisan Felo memutuskan bahawa sokongan mutlak terhadap mana-mana pihak dalam konflik ini, termasuk Iran, Israel atau Amerika Syarikat, adalah tidak wajar daripada perspektif umat Islam.

Barisan Felo menegaskan bahawa terdapat nas-nas syarak yang melarang umat Islam menjadikan golongan bukan Islam sebagai wali dalam bentuk kesetiaan dan sokongan yang melampaui batas, antaranya:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُونَ الْكَافِرِينَ أَوْلِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ ۗ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ تُقَاةً

Maksud: “*Janganlah orang-orang beriman mengambil orang-orang kafir sebagai wali (pelindung/sekutu rapat) dengan meninggalkan orang-orang beriman. Dan sesiapa yang melakukan demikian, maka tidak ada baginya (hubungan) dengan Allah sedikit pun, kecuali jika kamu menjaga diri daripada mereka sebagai langkah berhati-hati (taqiyyah).*”

(QS Āli ‘Imrān: 28)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ أَوْلِيَاءَ ۚ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ فَإِنَّهُ مِنْهُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksud: “*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani sebagai wali (pemimpin/sekutu rapat). Sebahagian mereka adalah wali bagi sebahagian yang lain. Dan sesiapa dalam kalangan kamu yang menjadikan mereka sebagai wali, maka sesungguhnya dia termasuk dalam golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.*”

(QS Mā'idah: 51)

Barisan Felo menegaskan bahawa nas-nas syarak jelas menunjukkan larangan ber*wala'* kepada golongan bukan Islam dalam bentuk kesetiaan dan sokongan yang melampaui batas.

Iran

Barisan Felo berpandangan bahawa dalam konteks ini, negara Iran yang mewakili kelompok *Shī'ah Ithnā 'Ashariyyah* tergolong dalam aliran yang mempunyai penyimpangan serius daripada akidah umat Islam.

Kekufuran mereka difatwakan oleh ahli ilmu semasa seperti Muḥammad bin 'Abd al-Laṭīf Ālu Shaykh, Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, *al-Lajnah al-Dā'imah li al-Buḥūth al-'Ilmiyyah wa al-Iftā'*, 'Abd al-'Azīz bin Bāz, al-Albānī, Muḥammad Ṣiddīq Ḥasan Khān, 'Abd Allāh al-Jibrīn, Ṣāliḥ bin Fawzān al-Fawzān, dan ramai lagi. Namun, kami juga tidak menafikan sebahagian pihak memfatwakan mereka sebahagian daripada *Ahl al-Qiblah*, seperti *Dār al-Iftā' Mesir*, *Dār al-Iftā' Libya*, Majelis Ulama Indonesia, Jabatan Mufti Selangor, Jabatan Mufti Pulau Pinang dan ramai lagi.

Barisan Felo cenderung berpendapat bahawa *Shī'ah Ithnā 'Ashariyyah* tidak termasuk dalam kategori *Ahl al-Qiblah*, berdasarkan penyelisihan yang ketara dalam aspek *uṣūl* dan *furū'* akidah. Sokongan terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam kezaliman dan pertumpahan darah umat Islam adalah tidak harus dan tidak wajar.

Amerika Syarikat & Israel

Barisan Felo menegaskan bahawa tiada keraguan mengenai kekufuran Amerika Syarikat dan Israel, serta peranan mereka dalam mencetuskan pelbagai bentuk kezaliman terhadap umat Islam.

Barisan Felo berpandangan bahawa konflik ini melibatkan pihak-pihak yang memusuhi umat Islam, justeru sokongan mutlak kepada mana-mana daripadanya adalah tidak harus dan tidak wajar.

Israel dan Amerika Syarikat mengaku diri mereka sebagai penyelamat dunia atau yang mendatangkan keamanan di muka bumi. Sedangkan hakikatnya mereka adalah perosak dan pencetus fitnah. Ingatlah firman-Nya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

Maksud: “*Dan apabila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami hanyalah orang-orang yang melakukan pembaikan.*”

(QS. Al-Baqarah: 11)

Oleh itu, sokongan terhadap golongan kuffār ini adalah tidak harus dan sangat tidak wajar timbul dalam kalangan umat Islam. Golongan ini telah menghalalkan kezaliman ke atas saudara kita di Palestin, Irak dan banyak lagi negara-negara kaum muslimin. *Qātalahum Allāh.*

Serangan Iran ke atas Negara-Negara Islam

Barisan Felo juga mengecam tindakan Iran yang menyerang fasiliti-fasiliti negara Islam yang lain. Rekod terkini menunjukkan serangan roket atau pengeboman ke atas negera-negara Islam yang lain atas dasar menyerang kepentingan Amerika Syarikat lebih banyak daripada serangan terus ke Israel atau Amerika Syarikat sendiri. Golongan *Shī‘ah* terkenal dengan tipu dayanya terhadap umat Islam sejak dahulu lagi. Semoga kita mengambil pengajaran daripada sejarah yang lalu.

Cadangan:

Barisan Felo mencadangkan agar umat Islam mengambil pendirian yang berasaskan prinsip syarak dengan tidak memberikan sokongan mutlak kepada mana-mana pihak, sebaliknya menilai setiap tindakan berdasarkan neraca maslahat dan mafsadat terhadap umat Islam.

Umat Islam juga diseru untuk memperkukuh kesatuan, mengelakkan perpecahan dalaman, serta tidak terjebak dalam sentimen kepartian atau propaganda yang boleh melemahkan kekuatan ummah.

Barisan Felo turut menegaskan kepentingan merujuk kepada para ulama dan institusi berautoriti dalam memahami isu-isu geopolitik, agar pendirian yang diambil tidak bersifat emosional semata-mata, tetapi berasaskan ilmu dan pertimbangan syarak.

Umat Islam digesa untuk memperbanyakkan doa, memohon perlindungan dan kemenangan bagi umat Islam yang dizalimi, serta memohon hidayah bagi semua pihak agar kembali kepada kebenaran.

Barisan Felo juga mengingatkan agar umat Islam berwaspada terhadap sebarang bentuk maklumat yang tidak sahih, serta tidak menjadi alat kepada penyebaran fitnah yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian umat.

